

29 OCT 2003

Mahathir-Kabinet (Bergambar)

DR M PENGERUSI MESYUARAT KABINET TERAKHIR SEBELUM BERUNDUR

PUTRAJAYA, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet yang ke-883 dan terakhir baginya sebelum bersara sebagai Perdana Menteri keempat Malaysia Jumaat ini.

Mesyuarat jemaah menteri pertama yang dipengerusikan Dr Mahathir ialah pada 22 Julai 1981 selepas dilantik menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai tahun yang sama.

Sebelum mempengerusikan mesyuarat kabinet pada pukul 9.45 pagi di pejabat Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir yang kelihatan bergaya dengan sut biru gelap, menghadiri sesi bergambar dengan jemaah menteri di ruang legar bangunan itu.

Turut hadir ialah bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia petang Jumaat ini di Istana Negara.

Dr Mahathir turut bergambar dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri yang kemudian menghadiahkan beliau dengan kain khas yang bersulam dengan angka "883" yang dibingkaikan.

Beberapa menteri yang ditemui sebelum itu menyatakan penghargaan tinggi kepada Dr Mahathir terhadap jasa beliau kepada negara dan melahirkan keyakinan bahawa Abdullah mampu meneruskan perjuangan untuk membawa Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Dr Mahathir telah mencorakkan masa depan negara dengan cukup jelas melalui wawasannya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Abdullah, Muhyiddin berkata: "Kita yakin beliau mampu memikul amanah ini untuk meneruskan perjalanan bagi membawa Malaysia ke masa depan lebih cemerlang."

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak pula menghargai kepimpinan, ketegasan dan keberanian Dr Mahathir dalam membuat keputusan yang bukan sahaja telah berjaya, tetapi juga menyelamatkan negara dalam menghadapi pelbagai dugaan.

Beliau berterimakasih kepada Dr Mahathir yang banyak memberikan panduan kepadanya sejak menyertai kabinet pada 1986.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata kepimpinan Dr Mahathir meninggalkan landasan kukuh untuk kemajuan seterusnya kepada kaum wanita di Malaysia.

"Tanpa kepimpinan yang faham tentang aspirasi wanita, tidak akan tercapai suasana yang membolehkan mereka maju hinggalah ke tahap yang dicapai sehingga kini," katanya.

Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata dengan sokongan padu kabinet, pemimpin dan rakyat, Abdullah mampu meneruskan usaha membina kejayaan negara bersandarkan kepada apa yang telah dibina Dr Mahathir.

"Warisan yang beliau terima itu sangat baik. Jadi prosesnya sekarang ialah meneruskan perjuangan itu dalam suasana yang semakin mencabar," katanya.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berharap dorongan dan sumbangan Dr Mahathir kepada negara selama ini akan berterusan walaupun selepas persaraan beliau.

Abdullah pula disifatkannya sebagai seorang yang jujur, ikhlas dan sentiasa mengambilkira pandangan dan sensitiviti semua pihak.

"Saya percaya dengan track record beliau, tidak ada masalah bagi kita

meneruskan agenda kita dan meningkatkan tahap pencapaian negara di masa depan," kata Hishammuddin.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula berkata Dr Mahathir telah memberikan sumbangan penting dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

"Oleh sebab beliau terkenal dan dihormati di mana-mana sahaja, maka dengan sendirinya Malaysia juga terkenal dan dihormati, dan pelancongpun hendak datang ke negara yang mereka biasa dengar, yang mereka tahu stabil dan makmur," katanya.

Beliau berkata penerimaan Abdullah secara sebulat suara oleh semua parti dalam Barisan Nasional menghantar mesej yang jelas kepada dunia bahawa pengganti Dr Mahathir juga adalah seorang yang kuat dan berkebolehan.

Dalam pada itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berharap Dr Mahathir akan melalui persaraannya dalam suasana tenang dan berpuas hati dengan apa yang ditinggalkan.

Ongyang juga Presiden MCA memberi jaminan akan menyokong penuh kepimpinan Abdullah dan bekerja sebagai satu pasukan dengan menteri-menteri lain.

-- BERNAMA

MAM RON